

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 27 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 17

Jerebu kian menghilang

Kuala Lumpur: Jerebu yang melanda negara hampir pulih apabila keseluruhan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana di bawah 100 setakat jam 5 petang semalam.

Berdasarkan aplikasi MyIPU, 62 kawasan termasuk Johan Setia Klang mencatatkan kualiti udara tahap sederhana.

Pada jam 5 petang semalam, Johan Setia Klang, mencatat IPU tidak sihat, iaitu 141, namun mula merekodkan penurunan menjelang malam kelmarin, dan bacaan terkini adalah 84 (sederhana).

Namun, walaupun masih pada tahap sederhana, tetapi bacaan IPU di Pasir Gudang semakin meningkat.

Hingga jam 5 petang, bacaan IPU kawasan Pasir Gudang adalah 73, berbanding hanya 66 pada jam 5 petang semalam.

Manakala, kualiti udara di Tanjung Malim, Jerantut, Bandar Indera Mahkota, Paka, Besut dan Keningau pula berada pada tahap baik di bawah 50.